

## Elak hidang 'sampah' kepada tetamu TMM 2020



Zubir Yunus  
zubir\_yunus  
@bh.com.my

Sambutan Hari Kebangsaan bulan lalu bertepatan 'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih'. Secara umum Malaysia Bersih lebih tepat merujuk usaha dan misi kerajaan membanteras secara menyeluruh jenayah rasuah.

Pada masa sama, ia juga merujuk kepada Malaysia yang bersih dan indah, bersedia menyambut kedatangan tetamu ke 'rumahnya' tahun depan? Tema Malaysia Bersih dicanang bagi menggambarkan keindahannya.

Jika diamati, rasionalnya pintu masuk tetamu ke tanah air adalah melalui tandas di lapangan terbang. Turun sahaja pesawat, destinasi pertama ditujui pelancong adalah tandas.

Seorang teman yang pulang ke tanah air baru-baru ini, terkejut apabila tandas awam dikunjungi, kotor. Sesetengahnya pula tidak boleh digunakan, masih dalam proses penyelenggaraan.

Apakah persepsi tetamu atau pelancong apabila 'rumah' dikunjungi tandasnya hancing dan kotor? Lazimnya apabila tandas kotor, ia menggambarkan keseluruhan itu yang tidak terurus, berselerak macam tongkang pecah.

Inikah persepsi awal pelancong mengenai Kuala Lumpur, seterusnya Malaysia yang ingin kita tarapkan?

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pernah menzahirkan rasa malu dengan keadaan tandas di negara ini yang tidak bersih dan berbau busuk, sekali gus mencerminkan sikap rakyat Malaysia tiada kesedaran sivik yang tinggi.

Sikap membuang sampah merata-rata, mencuri bekalan air, elektrik dan lampu jalan. Semua ini memberi pandangan negatif pelancong terhadap Malaysia.

Kalau ke negara tertentu, tandas awamnya amat bersih. Mereka lebih bertanggungjawab dan menghargai pandangan masyarakat terhadap diri dan negara dengan tidak melakukan sesuatu yang boleh mengotorkan persekitaran.

Ini diburukkan dengan pembuangan sampah merata-rata dan kandungan grafiti pada dinding yang



Tandas selesa dan bersih di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur beri imej baik di pintu masuk negara.

mencemarkan pemandangan. Keadaan lebih parah melihat tandas di hentian Rawat dan Rehat (R&R) di sepanjang lebuh raya.

Bersihnya hanya sekejap selepas pekerja melakukan rutin mencuci, namun selang beberapa minit selepas dikunjungi puluhan

penumpang bas ekspres, kita hendak bernafas pun tidak lalu dek bau hancing dan lantai yang kotor dan meloyakan.

Hal sama berlaku kepada tandas awam di stesen minyak. Jika masuk tandas awam di premis makanan segera dan restoran ma-

mak yang berselerakan pula, lampin kanak-kanak dan tuala wanita bertaburan di atas lantai, tidak dibuang dalam tong sampah.

Sedih melihat keadaan sebegini dek sikap penggunaanya yang tiada langsung kesedaran sivik. Tidak malukah dengan pelancong asing yang bertandang ke 'rumah' kita. Tidak terfikir mereka akan terus membandingkan tahap kebersihan Malaysia dengan Singapura yang jauh lebih baik.

Ingatlah, sikap segelintir rakyat yang tiada kesedaran sivik ini memberi gambaran negatif kepada pelancong. Situasi itu memberi cabaran kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang menasarkankan RM192 bilion pendapatan negara menerusi pelancong asing dan domestik, tahun depan.

Menterinya, Datuk Mohamad Ketapi, menasarkankan ketibaan 30 juta pelancong asing dengan menjana pendapatan RM100 bilion, manakala RM92 bilion daripada pelancong tempatan.

Persoalannya, bersediaakah negara menyambut kedatangan tetamu itu? Mari kita mulakan dengan kebersihan tandas awam dan menyemai tabiat mulia tanpa mencatitkan pesona TMM 2020.

Penulis adalah wartawan Meja Gaya Hidup & Wanita Berita Harian